



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 27 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 27 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **21,877 kes** (1,381,668 kes kumulatif, 83.1%);
- Kes baharu : **22,070 kes** (1,662,913 kes kumulatif);
- Kes import : **15 kes** (8 warganegara, 7 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **22,055 kes** [18,832 warganegara (85.4%); 3,223 bukan warganegara (14.6%)];
- Kes aktif : **265,695 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **982 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **470 kes**;
- Kes kematian : **339 kes** [15,550 kes kumulatif, 0.94%; 289 warganegara, 50 bukan warganegara];

99 kes BID (74 warganegara; 25 bukan warganegara)];

- Jumlah kluster : **4,611 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **28 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **3,144 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,467 kluster**.

Daripada **22,070 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **412 kes (1.9 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **21,658 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.


Secara keseluruhan, **17,029 kes (77.2 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius. Diharapkan ini akan mengurangkan jangkitan COVID-19 di dalam negara, terutamanya kes di kategori 3 hingga 5. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

# STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI | 27 OGOS 2021



## BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19

KATEGORI 5	KATEGORI 4	KATEGORI 3	KATEGORI 2	KATEGORI 1
Kritikal & perlu bantuan pernafasan: Purata jagaan di ICU selama 21 hari	Radang paru-paru & perlu bantuan oksigen: Purata jagaan di ICU selama 14 hari	Radang paru-paru: Memerlukan rawatan dan pemerhatian di hospital	Bergejala ringan	Tidak bergejala



Sumber : CPRC, KKM

Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **339 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **103 kes** di Selangor, **41 kes** di Sabah, **40 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **38 kes** di Pulau Pinang, **37 kes** di Johor, **20 kes** di Kedah, **15 kes** di Perak, **13 kes** di Negeri Sembilan, masing-masing **lapan (8) kes** di Kelantan dan

Pahang, **enam (6) kes** di Melaka, **lima (5) kes** di Terengganu, **tiga (3) kes** di Sarawak, serta **dua (2) kes** di Perlis.

### **KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU $R_0$ / $R_T$** **(STATUS SEHINGGA 26 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **26 Ogos 2021**, nilai  $R_T$  Malaysia adalah sebanyak 1.02. Negeri yang mencatatkan nilai  $R_T$  yang tertinggi adalah Perlis (nilai  $R_T$  1.23), diikuti oleh Sarawak (nilai 1.20), dan Sabah (nilai  $R_T$  1.19). Semua negeri mencatatkan nilai  $R_T$  melebihi 1.0 kecuali Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Negeri Sembilan.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

27 Ogos 2021 @ 6:45 petang.

## LAMPIRAN 1



### BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA

(setakat 27 Ogos 2021, jam 12:00 tengahari)

Negeri	Purata Kes 7 Hari *	Kadar Insiden **	Bilangan Kes Baharu ( ) ***	Bilangan Kes Kumulatif
Selangor	5,720	85.18	5,920 (1)	585,652
Sabah	2,957	73.06	3,010	137,527
Kedah	1,827	80.57	2,072	91,099
Sarawak	1,809	62.23	2,224	107,296
Johor	1,774	45.18	1,809 (3)	130,475
Pulau Pinang	1,678	92.87	1,829	79,681
Kelantan	1,216	62.06	1,051	72,134
WP Kuala Lumpur	1,063	55.63	1,068 (9)	169,773
Perak	1,019	39.01	939	63,476
Pahang	586	33.50	610	41,129
Terengganu	519	40.08	488	30,812
Melaka	511	52.55	589	46,841
Negeri Sembilan	405	34.86	338 (2)	90,318
Perlis	48	18.19	76	1,665
WP Putrajaya	28	29.60	39	5,236
WP Labuan	6	5.40	8	9,799
Malaysia	21,167	61.82	22,070 (15)	1,662,913

\*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI) Sumber: CPRC, KKM  
 \*\*Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk  
 \*\*\*Kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 339 kes kematian pada 27 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	103	60	43	81	22	87	75	12	16	6	10	76
Sabah	41	22	19	27	14	24	18	6	17	9	8	36
WP Kuala Lumpur	40	24	16	39	1	7	7	-	33	32	1	21
Pulau Pinang	38	21	17	33	5	28	25	3	10	8	2	32
Johor	37	22	15	36	1	30	30	-	7	6	1	30
Kedah	20	10	10	18	2	20	18	2	-	-	-	19
Perak	15	9	6	13	2	10	10	-	5	3	2	11
Negeri Sembilan	13	6	7	12	1	5	5	-	8	7	1	10
Kelantan	8	2	6	7	1	7	6	1	1	1	-	6
Pahang	8	4	4	8	-	8	8	-	-	-	-	8
Melaka	6	6	-	5	1	6	5	1	-	-	-	2
Terengganu	5	2	3	5	-	4	4	-	1	1	-	5
Sarawak	3	3	-	3	-	2	2	-	1	1	-	3
Perlis	2	2	-	2	-	2	2	-	-	-	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>339</b>	<b>193</b>	<b>146</b>	<b>289</b>	<b>50</b>	<b>240</b>	<b>215</b>	<b>25</b>	<b>99</b>	<b>74</b>	<b>25</b>	<b>261</b>

\*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

\*\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

\*\*\*BID merujuk kepada *Brought In Dead*



### LAMPIRAN 3

Perincian 22,070 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 27 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	5,920	383	2,910	1	2,626
SABAH	3,010	37	1,782	-	1,191
SARAWAK	2,224	269	1,406	-	549
KEDAH	2,072	54	1,342	-	676
PULAU PINANG	1,829	310	513	-	1,006
JOHOR	1,809	171	975	3	660
WP KUALA LUMPUR	1,068	2	511	9	546
KELANTAN	1,051	74	674	-	303
PERAK	939	126	447	-	366
PAHANG	610	95	391	-	124
MELAKA	589	67	201	-	321
TERENGGANU	488	29	345	-	114
NEGERI SEMBILAN	338	17	165	2	154
PERLIS	76	34	15	-	27
WP PUTRAJAYA	39	-	24	-	15
WP LABUAN	8	-	4	-	4
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>22,070</b>	<b>1,668</b>	<b>11,705</b>	<b>15</b>	<b>8,682</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 27 OGOS 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Mundai	Komuniti	Sarawak	Serian	66	133
2	Duras	Komuniti	Sarawak	Serian	60	86
3	Plaman Bantang	Komuniti	Sarawak	Serian	55	97
4	Mapu	Komuniti	Sarawak	Tebedu	43	65
5	Nanga Bengap	Komuniti	Sarawak	Lubok Antu	42	186
6	Nanga Dap	Komuniti	Sarawak	Kanowit	29	65
7	Jero Gelasah	Komuniti	Sarawak	Subis	15	72
8	Kampung Bukit Kechik	Komuniti	Kelantan	Bachok	22	30
9	Kampung Nik Nal	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	16
10	Kampung Lubok Pukol	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	17
11	Lorong Mat Nasir	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	10	15
12	Kampung Kusar	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	9	13
13	Perumahan Ketengah	Komuniti	Terengganu	Dungun	60	135
14	Kampung Raja Cameron Highlands	Komuniti	Pahang	Cameron Highlands	16	19
15	Kampung Simpang Arang	Komuniti	Johor	Johor Bahru	79	394

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
16	Industri Persiaran Delima	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Kuala Langat	107	490
17	Jalan Istana	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Petaling	28	49
18	Jalan BBLS Dua	Tempat Kerja	Selangor	Selangor	6	24
19	Ladang 0004 Kuala Baram	Tempat Kerja	Sarawak	Miri	31	178
20	KM20 Jalan Betong	Tempat Kerja	Sarawak	Betong	23	55
21	Tapak Bina Changkat Sungai Ara 20	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Barat Daya	114	364
22	Tapak Bina Jalan Permatang Pauh	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	26	45
23	Jalan Nafiri	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan	22	354
24	Tingkat Perusahaan Enam	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	18	36
25	Bukit Tingkat	Tempat Kerja	Pahang	Temerloh	26	125
26	Industri Bandar Tun Abdul Razak	Tempat Kerja	Pahang	Rompin	16	67
27	Persiaran Teknologi 55	Tempat Kerja	Johor	Kulai, Kluang, Johor Bahru, dan Kota Tinggi	20	1,177
28	Tembok Puncak Alam	Pusat Tahanan	Selangor	Kuala Selangor	74	287

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 26 OGOS 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>PERLIS</b>	1.23
<b>SARAWAK</b>	1.20
<b>SABAH</b>	1.19
<b>PULAU PINANG</b>	1.14
<b>JOHOR</b>	1.09
<b>KELANTAN</b>	1.08
<b>PERAK</b>	1.08
<b>KEDAH</b>	1.03
<b>TERENGGANU</b>	1.03
<b>PAHANG</b>	1.01
<b>MELAKA</b>	1.00
<b>SELANGOR</b>	0.97
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	0.84
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0.82
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0.78
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.02</b>